

...memang
makanan aaakuu!!



Manusia Haiwan Terzalim

"**MANUSIA** adalah haiwan terbaik antara semua haiwan dan makhluk yang ada di dunia ini." Ungkapan ini biasa kita dengar, terutama apabila pendakwah mahu menekankan betapa bagusnya manusia Allah jadikan dengan wajah dan tubuh badan yang cantik menarik, otak yang bijak untuk berfikir dan mencipta sesuatu yang baru berasaskan sains dan teknologi bagi kegunaan manusia sejagat, budi bahasa yang tinggi, jiwa yang murni dan perasaan yang seni.

Tetapi kini, ungkapan di atas bagaikan dinafikan oleh sebilangan manusia tanpa mengira warna kulit, keturunan di barat mahu pun di timur serta tahap pendidikan dan pendapatan. *Detik Waktu* merakamkan setiap hari berlaku kezaliman manusia terhadap manusia sendiri. Yang kuat menzalimi yang lemah. Untuk fasa ini biarlah *Detik Waktu* tuliskan: Manusia adalah haiwan terzalim di dunia. Rasionalnya, haiwan tidak pernah mendera haiwan lain. Jika haiwan memburu untuk tujuan makanan, maka itu adalah fitrah alam. Tanpa berburu dan membunuh mangsa dia tidak akan makan. Membunuh untuk makan berbeza dengan membunuh/mendera untuk kepuasan nafsu semata-mata.

Banyak sudah kita lihat manusia bertindak lebih zalim daripada haiwan, apabila jiwa seninya yang Allah jadikan bertukar menjadi kotor. Apabila tubuh cantik menarik dan hatinya bertukar menjadi keras. Apabila minda bijaknya bertukar menjadi ganas. Di Iraq manusia terzalim ialah Saddam Hussein yang sentiasa mencari peluang meratah daging rakyatnya. Kezalimannya Saddam dilanjutkan oleh Bush menggunakan tentera-tenteranya. Kesian rakyat Iraq. Hidup diperintah oleh orang-orang yang zalim. Di Palestin, Israel dengan sokongan kuat/padu Bush dan tenaga pentadbir AS, setiap hari meratah daging rakyat tidak berdosa. Tidak cukup pemimpin kumpulan Hamas dan pejuang serta keluarganya, semalam kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun pun ditembak mati. Di mana hati perut Israel? Di mana hati perut Bush? Tidak usah cakap mengenai tahanan perang di penjara Abu Ghraib, Baghdad yang dimulakan Saddam, dilanjutkan oleh Bush serta kuncu-kuncunya.

Kita asyik bercakap mengenai kekejaman di Iraq dan Palestin. Tiba-tiba kekejaman berlaku di depan mata, dalam negara Malaysia yang terkenal sebagai mempunyai rakyat prihatin, pengasih, murah hati, suka membantu dan sebagainya. - semua yang baik-baik belaka. Kekejaman yang berlaku di tengah jantung ibu kota kali ini amat menyayat hati. Jikalau kekejaman yang dilakukan tentera penceroboh terhadap tahanan Iraq menjadikan kita marah, kekejaman Yim Pek Ha seorang suri rumah terhadap Nirmala Bonat pembantu rumah dari Indonesia menjadikan kemarahan kita memuncak sehingga menitikkan air mata.

Saya: dua persepsi kontras terhadap wanita - yang paling lembut dan paling kejam.

Siapa Pendera Nirmala?

Ketika mula-mula gambar Nirmala disiarkan di media cetak dan elektronik dengan bekas-bekas penderaan yang amat tidak berhati perut selain menginsafi dan sedih dengan kejadian tersebut ramai yang tertanya-tanya: siapa pendera Nirmala? Siapa di sini bermaksud 'kaum apa' atau 'bangsa apa' yang boleh bertindak begitu kejam? Bagi menjawab teka teki yang bergejolak di hati, ramai yang menganalisis berdasarkan tempat kediaman. Kalau yang duduk di kondو di Jalan Tun Ismail, biasanya Cina. Begitulah daripada perbuatan orang perseorangan, rasa sangsi sudah mulai menjalar kepada kaum pendera pula.

Hakikatnya, sama ada suri rumah yang mendera itu kaum Cina, India, Melayu atau lain-lain, perasaan marah warga Malaysia sama saja. Di negara kita, soal kesanggupan mendera tidak menjadi milik satu kaum saja.

Saya: Bacalah kisah penderaan yang dilakukan wanita Melayu, di bawah ini nanti.

Kenapa Suami Tidak Disabitkan?

Darah di kepala *Detik Waktu* meruap panas apabila terbacca judul berita: suami sukar disabitkan yang disiarkan oleh Utusan Malaysia Sabtu 22 Mei 2004. Di bahagian atas berita berkenaan terpampang besar gambar pendera yang sedang tersenyum, memakai baju T bertulis LOKAP POLIS KUALA LUMPUR. Dia tersenyum. Kenapa? Mungkin di hatinya tergambar kuasa permainan duit yang bakal dilakukan suami dan boleh membebaskannya daripada tuduhan. Dia fikir duit boleh membeli kebebasannya dan soal deraan boleh dilupakan begitu saja. Menurut berita tersebut Polis setakat ini sukar mensabitkan suami kepada seorang suri rumah dengan dakwaan bersubahat melakukan

DALAM HAL NIRMALA, APAKAH BUKTINYA YANG MENUNJUKKAN DIA MENCURI WANG SEBANYAK ITU? BILA DIA MENCURI? KENAPA HANYA SETELAH PENDERA DITAHAN BARU LAPORAN POLIS TENTANG KECURIAN DIBUAT? BIAR APAPUN, ALASANNYA KITA DAPAT MEMBACA BAHAWA LAPORAN ITU DIBUAT SEMATA-MATA UNTUK HELAH MEMBENARKAN PERBUATAN ISTERINYA. IA DILAKUKAN SEMATA-MATA UNTUK MENUNJUKKAN KEBENARAN TINDAKAN PENDERAAN ISTERINYA. SEBODOH-BODOH ORANG PUN DAPAT MEMBACA MAKSUD SUAMI.

penderaan ke atas pembantu rumah Nirmala Bonat.

Memetik Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asst. Komisioner Hadi Ho Abdullah, katanya, "ini kerana penderaan ke atas Nirmala dipercayai dilakukan ketika suaminya tiada di rumah kerana bekerja."

Bertempanyan pertanyaan di kepala: apakah si suami tidak balik langsung selama Nirmala didera sepanjang lima bulan di rumahnya? Atau suami balik subuh, ketika semua anggota keluarga termasuk Nirmala sudah tidur?

(Bolehkah Nirmala tidur dengan penderitaan kesakitan tersebut?) Adalah sesuatu yang tidak masuk akal andai penderaan sedahsyat itu tidak langsung diketahui oleh ketua keluarga (suami). Dalam Islam setiap perbuatan buruk katakanlah mengumpat bukan orang yang melakukan perbuatan itu saja yang berdosa, tapi yang mendengar dan yang melihat turut sama menanggung dosa sama besar dengan yang melakukannya.

Detik Waktu beranggapan dalam hal penderaan begini (ketepikan soal Islam kerana yang terlibat bukan Islam) suami pendera wajar sekali diheret ke mahkamah dan dikenakan tindakan yang sama terhadap pendera atas alasan bersubahat. Bersubahat bukan sekadar sama-sama menyimbah air panas, atau mencucuh besi panas kepada mangsa, tapi melihat dengan diam iaitu tidak mengambil langkah wajar untuk menghalang perbuatan penderaan, tidak membawa ke hospital malah tidak melaporkan kepada pihak berkuasa adalah termasuk dalam kategori bersubahat.

Selain bersubahat dengan penderaan yang dilakukan isterinya, suami juga boleh dihukum atas kesalahan membuat laporan palsu. Puncanya bermula apabila si isteri ditahan polis. Untuk mengatakan Nirmala bersalah sebab itu dihukum (didera) oleh isterinya, suami membuat laporan polis mengatakan Nirmala mencuri duitnya RM10,000. Laporan dibuat sehari selepas isterinya ditahan atas kesalahan mendera. Nampak sangat laporan itu palsu, kerana penderaan sudah berjalan selama 5 bulan.

Memang pihak berkuasa sepatutnya sentiasa berlaku adil terhadap orang awam, tidak mudah menghukum seseorang tanpa bukti kukuh. Dalam hal Nirmala, apakah buktinya yang menunjukkan dia mencuri wang sebanyak itu? Bila dia mencuri? Kenapa hanya setelah pendera ditahan baru laporan polis tentang kecurian dibuat? Biar apapun, alasannya kita dapat membaca bahawa laporan itu dibuat semata-mata untuk helah membenarkan perbuatan isterinya. Ia dilakukan semata-mata untuk menunjukkan kebenaran tindakan penderaan isterinya. Sebodoh-bodoh orang pun dapat membaca maksud suami.

Saya: Percaya bahawa pihak berkuasa kita tidak diperbodohkan sewenang-wenangnya.

Apa Kesalahan Nor Iszyani Amylia?

Media cetak dan media elektronik di negara ini pada April lalu terkejut apabila seorang kanak-kanak berusia dua tahun bernama Nor Iszyani Amylia meninggal ketika dalam perjalanan ke hospital Sungai Buluh pada 9 pagi 26 April 2004, dipercayai didera. Setelah bedah siasat dilakukan oleh doktor Pusat Perubatan Universiti Malaya mendapati kesan gigitan orang dewasa pada tubuh kanak-kanak itu selain kesan lebam di merata tempat dan kesan melecur terkena air panas.

Telinga kanak-kanak itu juga mempunyai kesan ditarik dengan kuat, manakala kemaluannya koyak. Doktor juga menemui kesan lebam dan bekas cucukan di dahi. Yang paling teruk hati serta usus mangsa pecah kesan dihentak dengan benda tumpul. **Detik Waktu** mengandaikan kemungkinan kanak-kanak malang itu dihenyak dengan kaki oleh penderanya. Dalam usia sekecil itu, kita tidak

dapat membayangkan apakah dosa Nor Iszyani sehingga pendera yang sanggup memperlakukannya seperti anak patung yang tidak tidak rasa sakit dan tidak menangis biarpun kemaluannya dikoyak dan perutnya dilanyak?. Jikalau mangsa suka kencing merata, itu memang tabiat kanak-kanak. Ibu dan ayahnyalah sepatutnya melatihnya berdisiplin untuk kencing di tempat yang ditentukan, bukan mengoyak kemaluan si kecil itu.

Cuba bandingkan, apakah bezanya penderaan yang dialami Nirmala, dengan penderaan yang dialami Nor Iszyani? Bezanya; Nor Iszyani berusia 2 tahun, Nirmala 19 tahun. Nirmala didera majikan, Nor Iszyani dipercayai didera ibu sendiri. Nirmala didera perempuan Cina dan bakal cacat sepanjang usia terutama pada puting payu daranya yang putus dan tidak mungkin tumbuh semula, Nor Iszyani didera oleh perempuan Melayu sehingga mati. Beza yang lain; gambar kecacatan bekas penderaan yang dialami Nirmala disiarkan besar-besaran di media massa, gambar kecacatan Nor Iszyani hanya memperlihat wajahnya yang comel bermata besar, memakai topi. Maka simpati warga Malaysia mencurah kepada Nirmala, tidak sangat kepada Iszyani.

Detik Waktu sebenarnya amat tidak berpuas hati dengan tindakan pihak berkuasa melepaskan ayah Nor Iszyani daripada menghadapi sebarang tuduhan. Kenapakah langkah sendeng ini diambil pihak berkuasa? Sama seperti suami yang mendera Nirmala, ayah Nor Iszyani dikatakan tidak terlibat. Maksud tidak terlibat ialah dia tidak turut sama-sama mendera anaknya itu.

Lagi sekali kita harus fikirkan mengenai kes sybahat si ayah atau suami si pendera. Apakah dia tidak tahu langsung kesakitan yang dialami anaknya itu? Apakah dia jenis ayah yang buta mata hati? Atau ayah yang hanya tahu menghantar anak ke hospital setelah nazak, selain hanya tahu membuat anak sedang dalam kehidupan sehari-hari langsung tidak peduli tentang keadaan anak sendiri? Di manakah tanggungjawab seorang ayah?

Dalam menderita mengalami kesakitan yang belum layak ditanggung oleh kanak-kanak berusia dua tahun, apakah mangsa tidak menangis langsung? Jikalau dia menangis dan mengerang, tidakkah si ayah cuba menyelidik dan memujuknya agar berhenti menangis? Jikalau si ayah memujuk anaknya, tidakkah dia melihat sekian banyak kesan penderaan pada tubuh anaknya yang malang itu? Jikalau dia melihat, apakah dia hanya mendiamkan diri dan merelakan penderaan berterusan dilakukan? Apakah si ayah lebih sayangkan isteri daripada anak? Lupakah si ayah, bahawa anak itu adalah darah dagingnya sehingga ke akhirat, sedang isteri boleh diikat dengan satu akad "**aku terima nikahnya...**" dan boleh berpisah dengan satu lafaz "**aku ceraikan engkau...**" kemudian kedua-duanya menjadi terpisah lalu menjadi orang asing semula!

Saya: Pihak berkuasa harus membuat pertimbangan membawa ayah Nor Iszyani ke muka pengadilan sebagai orang yang bersubahat mendera kanak-kanak itu sehingga mati.

JIKALAU MANGSA SUKA KENCING MERATA, ITU MEMANG TABIAT KANAK-KANAK. IBU DAN AYAHNYALAH SEPATUTNYA MELATIHNYA BERDISIPLIN UNTUK KENCING DI TEMPAT YANG DITENTUKAN, BUKAN MENGOPYAK KEMALUAN SI KECIL ITU.